

Mohd. Noh dilantik semula Naib Canselor UTHM

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Jawatan Datuk Prof. Dr. Mohd. Noh Dalimin sebagai Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) disambung selama dua tahun lagi berkuat kuasa semalam.

Kementerian Pendidikan dalam kenyataannya memberitahu, pelantikan semula Mohd. Noh adalah berdasarkan pencapaian cemerlang beliau dalam memastikan proses transformasi dari sebuah kolej universiti kepada universiti.

Mohd. Noh yang merupakan anak kelahiran Johor mendapat pendidikan awal di Se-

kolah Rendah Pintar Raya dan Limpoon Primary English School, seterusnya di Sultan Sulaiman English School dan Sekolah Menengah Batu Pahat.

Antara pencapaian akademik beliau adalah memperolehi ijazah dalam bidang Fizik daripada Universiti Gajah Mada, Indonesia;

Sarjana (Sains) dalam bidang Solid State Physics daripada Bedford College, University of London dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang Experimental Solid State Physics, Imperial College London.



MOHD. NOH DALIMIN